

12 APR, 2022

## Lindungi kanak-kanak daripada ekstremisme di media sosial



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Lindungi kanak-kanak daripada ekstremisme di media sosial



Oleh Prof Datuk Dr Ismail Sualman  
bhrenanca@bh.com.my

Profesor Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Dekad kebelakangan ini menyaksikan senario baru menakutkan dan berbahaya terhadap kanak-kanak diajar untuk membenci, merekrut orang lain dan merancang serangan pengganas. Walaupun beberapa skim digagaskan golongan pelampau kanan muda digagalkan, ia menjadi ancaman baharu perlu dipantau.

Rancangan mewujudkan pengganas ditulis secara terperinci bersama kiasan neo-Nazi dalam manifesto. Senarai sasarannya termasuk pejabat pos, pub, sekolah dan bank di beberapa negara di Eropah, selain turut menyenaraikan sekurang-kurangnya 19 senjata api diimpikan untuk memperolehnya.

Plot itu walaupun menakutkan, tidak semestinya mengejutkan bagi penganalisis keganasan sayap kanan. Banyak tema ideologi, justifikasi dan sasaran sudah menjadi kebiasaan.

Namun, perancangan keganasan terbaru mengejutkan ramai pihak. Perancang baru berusia 13 tahun ketika mula melakukan radikalasi dan 16 tahun ketika dia disabitkan, pada November 2019 kerana merancang enam serangan pengganas. Menurut laporan, pada masa penahanannya dia adalah termuda disabitkan bersalah merancang serangan pengganas di United Kingdom (UK).

Pada Oktober 2019, polis di Jerman menahan seorang remaja berusia 14 tahun dituduh merancang keganasan di rumah ibadat atau masjid. Seorang remaja berusia 14 tahun juga ditangkap pada bulan itu di San Diego, Amerika Syarikat (AS) atas tuduhan menjahat kebencian selepas dituduh menumbuk muka seorang rabbi. Kyle Rittenhouse, 17, didakwa membunuh dua penunjuk perasaan di Kenosha, Wisconsin, pada Ogos tahun itu.

Malah ada kes remaja mengetui pertubuhan pelampau seperti British Hand diketuai seorang remaja berusia 15 tahun. Pihak berkuasa berkata, seorang Midwesterner berusia 17 tahun mengetui pengambilan sel dengan harapan untuk menyerasi tali elektrik sekiranya Donald Trump yang ketika itu bertanding mempertahankan jawatan Presiden kalah dalam pilihan raya 2020.

Mungkin kes paling mengejutkan membabitkan seorang pemimpin Bahagian Feuerkrieg yang ditangkap di Estonia pada usia hanya 13 tahun. Menurut *The Guardian*, sekurang-kurangnya 17 kanak-kanak, beberapa remaja seawal usia 14 tahun, ditangkap atas tuduhan keganasan.

Ancaman berubah itu dicetuskan dua trend paling ketara dalam keganasan sejak dua dekad lalu. Pertama, kemunculan orang bertindak sendirian (*lone wolf*) yang dilibatkan ideologi pengganas dan kemudahan radikalasi dalam talian.

Kedua, trend menggalakkan peningkatan pembabitan remaja dalam ekstremisme. Apabila radikalasi berlaku di ruang tamu dan bukan tempat ibadat serta apabila tindakan keganasan tidak lagi memerlukan perancangan rumit, halangan untuk masuk dikurangkan, membolehkan remaja mengambil bahagian secara aktif.

Untuk rekod, terdapat kira-kira 1 bilion umat Islam di bawah usia 30 tahun dan Daesh menyasar serta menggunakan mesej dan platform susun atur bersesuaian dengan umur untuk memancing belia dari seluruh dunia.

Kemunculan Daesh menggantikan Al-Qaeda yang mulai melemah selepas kematian Osama bin Laden dan penubuhan kerajaan proksi Afghanistan pimpinan Hamid Karzai dan Ashraf Ghani.

**Langkah drastik diperlukan segera untuk memastikan golongan remaja, terutama mereka mengalami kelemahan seperti buli, pengecualian dan isu kesihatan mental, dikenal pasti serta mendapat bantuan yang mereka perlukan**

Selama bertahun-tahun, konsep ‘jihad cool’ menjadi antara tarikan pergerakan paling berkuasa, menghasilkan tarikan kepada penonton lebuh muda. Dalam antara kes pejuang asing Daesh terkenal, tiga pelajar perempuan meninggalkan sekolah mereka di Bethnal Green, London, untuk menyertai organisasi pengganas di Syria.

Penggubal dasar dan orang ramai terkejut, tetapi mengapa remaja berkenaan melakukan tindakan sedemikian? Kajian kes Daesh juga menyerlahkan bahaya dan ancaman kumpulan pengganas ini. Sasarannya ialah Gen Zers (Gen-Z), demografi lahir kira-kira antara pertengahan 1990-an dan awal 2010-an membentuk sekurang-kurangnya 32 peratus daripada populasi dunia, sering digambarkan sebagai pengguna natif digital kerana mereka tidak pernah mengalami kehidupan sebelum internet.

Gen-Z sentiasa berhubung hingga terdedah kepada sudut pandangan sangat berbeza, termasuk ideologi ekstremis. Kira-kira 80 peratus daripada Gen Z Arab, terutama mendapat berita menerusi media sosial dan Gen Z di rantau Asia-Pasifik menghabiskan lebih dua jam sehari di media sosial.

Trend berkenaan akan berterusan dalam Gen Alpha, yang banyak dipengaruhi media sosial. Satu kajian menunjukkan lebih separuh responden Gen Alpha lebih berkemungkinan untuk membeli produk jika pengaruh kegemaran mereka memaparkannya di media sosial.

Landskap pasca pandemik amat mencabar. Remaja di seluruh dunia menghabiskan masa yang tidak pernah berlaku sebelum ini dalam talian sambil bergelut untuk memahami dan menerima iklim politik, sosial serta ekonomi transformatif. TikTok menjadi terkenal dan dimanipulasi untuk pengambilan pelampau oleh kedua-dua pelampau sayap kanan dan Daesh.

Isu ini amat membimbangkan dalam konteks AS. Negara ini bergelut melalui wabak penemakan di sekolah selama beberapa dekad, malah sudah wujud untuk generasi muda tidak berpuas hati dan golongan belia berkenaan mempunyai akses lebih mudah kepada senjata api berbanding di negara Barat lain.


Adalah penting usaha memerangi keganasan, termasuk strategi lebih tertumpu pada kesedian dan perlindungan jangka panjang, bukannya reaksi semata-mata. Langkah drastik diperlukan segera untuk memastikan golongan remaja, terutama mereka mengalami kelemahan seperti buli, pengecualian dan isu kesihatan mental, dikenal pasti serta mendapat bantuan yang mereka perlukan.

Maklumat dalam talian menerusi media sosial, termasuk promosi rangkaian belia mempunyai pengaruh positif, yang menggalakkan nilai keterangkuman dan kemanusiaan yang dikongsi tanpa mengira bangsa, agama serta kejgalilan remaja.

Pendekatan ini termasuk promosi rangkaian belia mempunyai pengaruh positif, yang menggalakkan nilai keterangkuman dan kemanusiaan yang dikongsi tanpa mengira bangsa, agama serta kejgalilan remaja.

Langkah sedemikian, apabila dipertingkatkan, mungkin membentarkan remaja yang ingin memenuhi keperluan identiti dan tujuan untuk menerapkan diri mereka dengan cara lebih positif. Menerusi cara ini membolehkan pihak berwajib menghalang golongan muda mencari milik identiti daripada menemunya dalam forum pelampau dalam talian.





12 APR, 2022

## Lindungi kanak-kanak daripada ekstremisme di media sosial

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Dekad kebelakangan ini menyaksikan senario baharu menakutkan dan berbahaya terhadap kanak-kanak diajar untuk membenci, merekrut orang lain dan merancang serangan pengganas. Walaupun beberapa skim digagaskan golongan pelampau kanan muda digagalkan, ia menjadi ancaman baharu perlu dipantau. Rancangan mewujudkan pengganas ditulis secara terperinci bersama kiasan neo-Nazi dalam manifestonya. Senarai sasaran termasuk pejabat pos, pub, sekolah dan bank di beberapa negara di Eropah, selain turut menyenaraikan sekurang-kurangnya 19 senjata api diimpikan untuk memperolehnya.